

## **BAB LIMA**

### **PENUTUP**

#### **5.1 Kesimpulan**

Pensejarahan merupakan suatu bidang yang meneroka segala kejadian yang berlaku pada waktu-waktu yang ingin dikaji. Malah proses itu berlanjutan sehingga zaman tersebut diganti dengan zaman yang akan datang. Apa yang penting, iktibar dan pengajaran yang diperolehi daripada peristiwa yang berlaku membantu masyarakat untuk membina tamadun yang lebih baik daripada itu.

Oleh yang demikian, melalui kajian yang bertajuk ‘Analisis Pensejarahan Penyertaan Calon Wanita Muslim dalam Pilihanraya Umum dari tahun 1959-2008 di Semenanjung Malaysia’, penulis dapati tajuk ini begitu menarik untuk dianalisis. Ini kerana walaupun terdapat kajian-kajian lepas yang dilakukan terhadap wanita dan politik, namun aspek pengkhususan kepada wanita Muslim sukar dijumpai terutamanya dari aspek pensejarahan. Perjalanan calon wanita Muslim dalam menyertai pilihan raya umum di Semenanjung Malaysia dari tahun 1959 sehingga 2008 memiliki sejarahnya yang tersendiri.

Berdasarkan hasil kajian, penulis dapat menyimpulkan bahawa kedudukan wanita Muslim dalam politik di Malaysia khususnya masih dipinggirkan. Merujuk kepada analisis yang dilakukan dalam bab 4, kadar peratusan wanita Muslim yang menyertai pilihan raya umum di Semenanjung Malaysia sehingga tahun 2008 tidak berjaya mencapai pada tahap yang boleh dibanggakan. Pencapaian pada kadar 9 peratus bagi penyertaan kerusi DUN dan Parlimen oleh calon-calon wanita Muslim pada PRU 2008 masih belum mencapai tahap

piawaian antarabangsa iaitu sebanyak 1:3 atau 30 peratus dalam badan pembuatan keputusan.

Walaupun penetapan piawaian ini tidak mengkhususkan kepada sesuatu bangsa atau agama, namun wanita Muslim seharusnya menjadikan perkara ini sebagai batu loncatan untuk meningkatkan lagi prestasi mereka dalam hal ehwal negara. Permasalahan yang timbul mungkin berpunca dari beberapa faktor seperti tiada bantuan samada berbentuk kewangan mahupun kuasa dalam kepartian (kuota). Isu kuota masih lagi hangat diperbincangkan dalam negara-negara yang masih ketinggalan dari aspek penyertaan wanita dalam politik. Kuota yang diberikan adalah sama ada dari aspek penyertaan calon dan pemilihan calon dalam pilihan raya.<sup>142</sup>

Kadar peratusan yang diberikan haruslah ditetapkan oleh pihak tertinggi parti dan pihak kerajaan. Bukanlah bererti bilangan wanita perlu melebihi dari lelaki tetapi yang diharapkan ialah kadar keseimbangan gender antara dua jantina dapat diwujudkan. Sekiranya perkara ini telah wujud pada awal permulaan pilihan raya, penulis pasti wanita Muslim tidak teragak-agak untuk membabitkan diri dalam politik.

Pada era 1950-an sehingga 70-an, calon wanita Muslim banyak mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit tanpa bantuan parti politik. Memetik kata Dr. Rokiah Talib dalam artikelnnya ‘*Peranan Wanita untuk Memulihkan Integriti Politik*’, wanita pada era awal kemerdekaan mungkin miskin dari segi wang tetapi kaya dengan budi bahasa dan tinggi integriti.<sup>143</sup> Umumnya mengetahui kehidupan zaman lampau amat berbeza

---

<sup>142</sup> Drude Dahlerup, “Gender Quotas in Politics: Empowerment from Above or from Below? ” dalam ‘*Women’s Political Participation and Representation in Asia: Obstacles & Challenges*’ (Denmark: Nias Press, 2008), 299.

<sup>143</sup> Rokiah Talib, “Peranan Wanita untuk Memulihkan Integriti Politik” dalam *Integriti Politik di Malaysia: Ke arah Kefahaman yang Lebih Sempurna*, ed. Anis Yusal Yusoff, Mohd Rais Ramli & Zubayry Abady Sofian (Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia, 2007), 170.

berbanding masa kini. Namun begitu, wanita Muslim bijak memanfaatkan apa yang ada dan sanggup mengenepikan kepayahan yang dilalui.

Jika disoroti mengenai sejarah penyertaan mereka dalam politik umumnya dan pilihan raya khususnya, tiada siapa mampu mempertikaikan kredibiliti golongan ini dalam apa jua aspek sekalipun. Kata-kata ‘wanita itu tidak tahu apa-apa tentang kepimpinan’, ‘wanita terlalu emosional’, ‘wanita makhluk yang lemah’ dan pelbagai lagi kelemahan yang ditujukan kepada mereka sudah tidak relevan pada masa kini.

Penulis dapat melihat bahawa golongan wanita terutamanya yang beragama Islam ini ingin melakukan sesuatu yang dapat memberikan sumbangan kepada negara. Sebagai warganegara Malaysia, peranan wanita tidak hanya terhenti sekadar di rumah sahaja. Sekiranya mereka mampu mengimbangi tugas-tugas di dalam dan di luar rumah, maka tidak salah jika mereka diberikan peluang sama rata sebagaimana golongan lelaki. Bukan untuk menandingi mana-mana pihak, tetapi cukup sekadar memenuhi tanggungjawab sebagai masyarakat dalam sesebuah pembangunan negara.

Penulis percaya, wanita Muslim mampu membawa diri dalam apa jua bidang yang diceburi. Di samping itu, sokongan dan dorongan daripada pihak-pihak tertentu perlu demi mencapai kemajuan bersama. Sekiranya perkara ini dapat dilaksanakan, bilangan wanita Muslim dalam aspek politik pilihan raya boleh dipertingkatkan.

## 5.2 Saranan

### **Pertama**

Pihak-pihak tertentu perlu memberikan maklumat yang dapat memberikan impak kepada masyarakat mengenai wanita dan kredibiliti mereka dalam pembangunan negara

khususnya dalam arena politik. Beberapa perkara penting dalam hal yang melibatkan wanita dan politik perlu diperjelaskan dengan lebih tepat dan teratur. Antara perkara-perkara yang dimaksudkan ialah di antaranya mengenai persepsi peranan wanita dalam pembangunan negara.

Melalui pengalaman penulis dalam pembentangan dalam seminar yang diadakan di Kuala Lumpur sebelum ini, persoalan-persoalan yang diajukan mengenai topik wanita dan politik pilihan raya dilihat agak mencabar. Segala soalan yang dilontarkan kepada penulis adalah dari kalangan lelaki yang beragama Islam dan juga bukan Islam. Antaranya ialah mengenai rasional wanita membabitkan diri dalam aspek kepimpinan. Dengan soalan yang diajukan, penulis beranggapan golongan lelaki terutamanya masih lagi meragui kemampuan wanita dalam menerajui sesebuah negara. Mungkin mereka tidak mengetahui sejarah telah mencatat kehadiran wanita dalam politik dan segala sumbangan yang telah diberikan sejak berpuluhan tahun dahulu.

Sebagai contoh, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKW) boleh memaparkan sumbangan tokoh-tokoh wanita dalam politik yang dapat menggambarkan kesungguhan mereka dalam memimpin negara. Keutamaan boleh diberi kepada wanita-wanita yang telah disenaraikan dalam pencalonan pilihan raya dan juga kepada mereka yang berjaya di pilih sebagai wakil rakyat.

Dengan paparan sedemikian, penulis percaya masyarakat dapat membuka mata betapa wanita mempunyai potensi walaupun sekadar melayakkan diri dalam pencalonan pilihan raya. Ini kerana penulis dapati sumbangan wanita dalam pembangunan negara tidak dinyatakan secara terperinci. Tambahan pula ianya hanya dipamerkan dalam media semasa tibanya suatu sambutan tertentu seperti ulangtahun KPWKW atau Hari Wanita yang diraikan sekali dalam setahun. Justeru, keadaan ini perlu diubah sedikit demi sedikit.

## **Kedua**

Menerusi analisis yang dipaparkan dalam bab 4, penulis kira ketidakseimbangan yang berlaku di kalangan wanita Muslim dalam aspek penyertaan politik di Malaysia perlu diperbaiki dari masa ke semasa. Dalam merealisasikan pembangunan ke arah Wawasan 2020, kemajuan yang dicapai perlu selari dengan keterlibatan di antara lelaki dan wanita. Oleh yang demikian, pihak kerajaan perlu memberi ruang yang lebih kepada kaum wanita khususnya beragama Islam untuk bersama-sama memanfaatkan kebolehan serta kepakaran yang dimiliki.

Di samping penambahan kuota dalam aspek penyertaan dan pemilihan calon wanita Muslim dalam pilihan raya, konsep ‘Malaysia Boleh’ boleh dijadikan pemacu semangat dalam menarik ramai lagi wanita Muslim untuk bersama-sama membangunkan negara. Penulis percaya negara kita masih memerlukan khidmat golongan wanita apabila mereka telah memasuki arena kepimpinan.

## **Ketiga**

Pihak kerajaan perlu melakukan sesuatu bagi meningkatkan kualiti kepimpinan di kalangan wanita (leadership training). Bakat kepimpinan mereka perlu diasah dan diperhalusi dengan kriteria-kriteria pemimpin yang berwibawa. Tidak menjadi kesalahan sekiranya mereka mengambil ilmu dan mengikuti jejak langkah tokoh-tokoh politik wanita yang telah banyak berjasa kepada negara kita seperti Fatimah Hashim, Hajah Zainon (Ibu Zain), Aishah Ghani, Fatimah Abdul Majid dan ramai lagi. Kelas-kelas atau seminar tentang asas-asas kepimpinan wanita Muslim wajar dilaksanakan dan diwar-warkan kepada masyarakat amnya dan pemimpin-pemimpin wanita Muslim khususnya.

## **Keempat**

Di samping itu, penulis kira perlunya suatu garis panduan yang bernes bagi mereka yang ingin melibatkan diri dalam politik terutama bagi wanita yang telah berumahtangga. Golongan wanita yang mempunyai keinginan untuk menceburkan diri dalam bidang ini perlu mengetahui perjalanan hidup sebagai seorang ahli politik dan pada waktu yang sama memikul tanggungjawab hakiki sebagai ibu dan isteri. Ini kerana kerjaya sedemikian menuntut kekuatan mental yang tinggi dalam menghadapi cabaran yang mendatang. Antara tugas sebagai pemimpin ialah seperti menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam sesebuah tempat, memenuhi undangan sesuatu majlis, menghadiri pelbagai kursus di merata tempat dan sebagainya.

Justeru, bagi mereka yang bercita-cita tinggi dalam bidang ini perlulah mengukur kemampuan sendiri. Andai melihat tanggungjawab di rumah dapat diselesaikan dengan cara yang baik dan teratur, maka tugas yang menanti di luar rumah akan menjadi lebih mudah dan berjalan dengan lancar. Apatah lagi jika suami (sekiranya telah berkahwin) atau penjaga (ayah atau ibu) memberi keizinan dalam menguruskan tugas tersebut. Semoga restu daripada individu-individu yang demikian dapat memberi keberkatan yang diharapkan oleh semua orang.

Walaubagaimanapun, penulis melihat dalam tampuk pemerintahan yang telah wujud sejak zaman kemerdekaan sehingga ke hari ini telah berjaya membawa wanita ke hadapan. Jika dibandingkan di tempat lain, wanita masih lagi ‘terpenjara’ dalam dunia sendiri akibat daripada sikap pemimpin yang tidak memberi peluang dengan kemahiran yang mungkin dapat membantu pembangunan negara. Beberapa kebimbangan terhadap perkara-perkara negatif yang bakal dilakukan oleh wanita di luar rumah menyebabkan

aktiviti mereka disekat. Oleh itu, penulis merasakan bahawa peluang wanita Muslim di Malaysia beraksi dalam pelbagai bidang sudah cukup terbuka luas.

Harapan penulis agar kaum wanita terutamanya yang beragama Islam bersama-sama melibatkan diri dalam usaha untuk memajukan negara, bangsa dan negara. Memetik kata-kata Syed Hussein Alatas di dalam buku ‘*Ke mana dengan Islam: 22 Artikel Pilihan*’, “Dalam hal ini saya berpendapat, wanita boleh menyalurkan khidmat dan usahanya di mana-mana juga, malah kita boleh menganggap penglibatan wanita dalam Parlimen dan dalam politik sebagai fardu kifayah. Kalau ada fardu kifayah dalam Islam, maka pada dasarnya fardu kifayah itu tidak boleh dibezakan antara kaum lelaki dan wanita.”<sup>144</sup>

Semoga negara Malaysia akan terus maju berteraskan peranan yang didokong oleh golongan lelaki dan wanita khususnya yang beragama Islam sesuai dengan amanat TuhanNya. Seandainya hanya satu pihak sahaja yang memainkan peranan, dibimbangi berlaku ketidakseimbangan dan akhirnya kemusnahan yang berlaku. Dalam membentuk sesebuah tamadun yang didasari oleh sebuah negara, masyarakatlah yang menjadi penentu jatuh bangunnya sesebuah tamadun. Sekiranya mereka bersama-sama berganding bahu tanpa mengira perbedaan jantina, maka masalah lebih pantas dapat diselesaikan.

---

<sup>144</sup> Syed Hussein Alatas, *Ke mana dengan Islam: 22 Artikel Pilihan* (Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2002), 31.

## **BIBLIOGRAFI:**

### **BUKU BAHASA MELAYU**

- A. Rashid Rahman. *Perjalanan Pilihan raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd, 1994.
- Abd. Manaf Ahmad. *Kontrak Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2009.
- Abdul Rahman Ismail. *Malaysia: Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Ahmad Atory Hussain. *Sistem Pemerintahan dan Pentadbiran Barat: Suatu Tinjauan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. *Demokrasi dan Kepimpinan Islam: Suatu Perbandingan*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2001.
- Amer Saifude Ghazali. *Geografi Pilihan Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009.
- Andek Masnah Andek Kelawa. *Kepimpinan Wanita dalam Islam: Kedudukannya dalam Syariah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.
- Arba'iyah Mohd Nor. *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- B. Simandjuntak. *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1985.
- Chamil Wariya. *Malaysia: 50 Fakta Asas Kenegaraan*. Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sendirian Berhad, 2007.
- G. Manimaran. "Sistem Pilihan raya Negara Mantap" dalam *Politik: Isu-isu Integrasi: 2000-2008*, ed. Anis Yusal Yusoff dan Zubayry Abady Sofian, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd dan Institut Intergriti Malaysia (IIM), 2008.
- Ghazali Shafie. *Pengajian Malaysia*. Petaling Jaya: Prentice Hall, 2006.

Ghazi Ramlil dan Aidit Ghazali. *Pemimpin Politik Berwibawa Pada Alaf Baru: Cabaran & Panduan*. Kuala Lumpur: Akademi Iqra', 2010.

Hakim Zakaria. *Sistem Pemerintahan Beraja*. Petaling Jaya: Quicklink Communication Sdn. Bhd, 2009.

Ho Hui Ling. "Prestasi Calon Wanita dalam Pilihan raya Umum Ke-12" dalam *Pilihan raya Umum Malaysia Ke-12: Isu dan Pola Pengundian*, ed. Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman dan Suffian Mansor, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011.

Hussain Mohamed. *Membangun Demokrasi: Pilihan Raya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd, 1987.

Ishak Saat dan Nazarudin Zainun, ed. *Wanita dan Perjuangan*. Batu Pahat: Penerbit UHTM, 2011.

Kaulah Abd. Latief al-Atiqi. *Wanita Islam Hari Ini: Kerja & Fungsinya*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi. 1997.

*Ketelusan Urusan Pengeluaran, Pengundian, Pembukaan dan Pengiraan Undi Pos*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPRM), 2008.

Makmor Tumin. *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.

Maizatul Haizan dan Mohamad Zain Musa. *SPR dan Pengurusan Pilihan Raya di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM, 2005.

Mohd Faisal Syam Abdol Hazis, Neilson Ilan Mersat dan Ahi Sarok. *Tingkah laku Pengundian dalam Pilihan Raya Parlimen Sarawak*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, 2002.

Mohd. Isa. *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2002.

Mohd. Foad Sakdan. *Pengetahuan Asas Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

Mohd Salleh Abas. *Pilihan raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

\_\_\_\_\_. *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

Mohd. Taib Osman. *Hikayat Seri Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

Mohd. Yusof Kasim dan Azlan Ahmad. *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*. Penerbit UKM: Bangi, 2002.

Muhamad Ali Embi. *Patriotisme dan Kepercayaan Rakyat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2009.

Muhamad Nadzri Mohamed Noor. *Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik Politik dalam PRU 2008 dan Kontemporari*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), 2009.

Mujahid Yusof. *Wajah Baru Politik Malaysia*. Petaling Jaya: Anbakri Publika Sdn. Bhd, 2009.

Mukhriz Mahathir dan Khairy Jamaluddin. *Dasar Ekonomi Baru: Intipati*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2004.

Murtadha Mutaahhari. *Masyarakat dan Sejarah*. terj. Hashem. Bandung: Penerbit Mizan, 1986.

Mustafa Ishak dan Afifi Abdul Razak. *Politik dan Pemerintahan Negara*. Singapura: Thomson, 2006.

Naharuddin Ali. *Wira dan Serikandi Selangor Darul Ehsan: Profil Lima Tokoh Pejuang*. Shah Alam: Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, 2007.

Nik Safiah Karim. *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: ‘K’ Publishing & Distributors Sdn. Bhd, 1990.

*Pentadbiran dan Pengurusan Awam Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), 2006.

Rashila Ramli. “Pembangunan Politik dan Gender: Cabaran dan Strategi bagi Calon-calon Wanita” dalam *Gender, Budaya dan Masyarakat*, ed. Rokiah Talib dan Shanthi

Thambiah, Kuala Lumpur: Rancangan Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2008.

Rokiah Talib. "Peranan Wanita untuk Memulihkan Integriti Politik" dalam *Integriti Politik di Malaysia: Ke arah Kefahaman yang Lebih Sempurna*, ed. Anis Yusal Yusoff, Mohd Rais Ramli dan Zubayry Abady Sofian, Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia, 2007.

Ruslan Zainuddin. *Sejarah Malaysia*, Ed ke-2. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 2003.

Shamsiah Fakeh. *Memoir Shamsiah Fakeh dari AWAS ke Rejimen ke-10*. Petaling Jaya: Strategic Information & Research Development Centre, 2007.

Syed Hussein Alatas. *Ke mana dengan Islam: 22 Artikel Pilihan*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2002

Tajuddin Hussein. *Malaysia Negara Kita*. Kuala Lumpur: MDC Publishers Sdn. Bhd, 2009.

W.Gulo. *Metodologi Penelitian*. Jakarta: Grasindo PT Gramedia Widiasarana, 2001.

Wan Abdul Kadir Yusoff. "Nilai dan World-View Orang Melayu tentang Gender" dalam *Gender, Budaya dan Masyarakat*, ed. Rokiah Talib dan Shanti Thambiah. Kuala Lumpur: Rancangan Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2008.

Wan Mohd. Mahyiddin. *UMNO: Sejarah, Organisasi dan Perlaksanaan Dasar*. Kuala Lumpur: HPI Lectures Sdn. Bhd, 2007.

Wan Mohd. Mahyiddin Wan Nawang et al. *Pergerakan Wanita UMNO: Sepanjang Lima Dekad*. Kuala Lumpur: Kembangan Kristal (M) Sdn Bhd, 1993.

Zakry Abadi. *Konflik Istana dan Parlimen*. Kuala Lumpur: Penerbitan Gatra Jaya, 1983.

Zulkifli Dahalan. *Sejarah Pemikiran dan Tamadun Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2009.

Zulqarnain Hassan dan Mohamad Zaidi Abdul Rahman. *Wanita Sebagai Calon Pilihanraya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2008.

Penulis tidak diketahui. *Sejarah Melayu*. Singapura: The Malaya Publishing House Ltd, 1950.

## BUKU BAHASA ARAB

Ibn Khaldun. *Tārīkh Ibn Khaldūn*. Lebanon: t.p., 1979.

## BUKU BAHASA INGGERIS

Andrea Fleschberg. “Asia’s Women Politicians at the Top: Roaring Tigress or Tame Kittens?” dalam ‘*Women’s Political Participation and Representation in Asia: Obstacles & Challenges*’, Denmark: Nias Press, 2008.

Drude Dahlerup. “Will Gender Balance in Politics Come by Itself?” dalam *Women and Leadership: The State of Play & Strategies for Change*, ed. Barbara Kellerman dan Deborah L. Rhode, San Francisco: A Wiley Imprint, 2007.

\_\_\_\_\_. “Gender Quotas in Politics: Empowerment from Above or from Below?” dalam ‘*Women’s Political Participation and Representation in Asia: Obstacles & Challenges*’, Denmark: Nias Press, 2008.

Edward Hallett Carr. *What is History?*. London: Macmillan, 1961.

Goh Cheng Teik. *Election Setbacks in Malaysia*. Petaling Jaya: Sunway University College, 2009.

Jamilah Ariffin. *Women & Development in Malaysia*. Subang Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd, 1992.

K.R Minogue. *Nationalism*. London: B.T. Batsford Ltd, 1967.

Kazuki Iwanaga. “Women and Politics in Asia: A Comparative Perspective” dalam ‘*Women’s Political Participation and Representation in Asia: Obstacles & Challenges*’, Denmark: Nias Press, 2008.

Lenore Manderson. *Women, Politics, and Change: The Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945-1972*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980.

Rashila Ramli. "Expanding Women's Political Participation: Examining the Options" dalam *Elections and Democracy in Malaysia*, ed. Mavis Puthucheary dan Noraini Othman, Bangi: Penerbit UKM, 2005.

S.Sothi Rachagan. *Law and The Electoral Process in Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1993.

Sharifah Zaleha Syed Hassan. ed. "Trends and Forms of Women's Participation in Politics" dalam *Malaysian Women in the Wake of Change*. Rashila Ramli dan Saliha Hassan, Kuala Lumpur: Gender Studies Programme, Faculty of Arts and Social Science, 1998.

T.E.Smith. *Report on the First Election of Members to the Legilative Council of the Federation of Malaya*, Kuala Lumpur: t.p., 1955.

Tan Beng Hui & Cecilia Ng. "Challenge of Representation: Women's Movement and Electoral Politics" dalam *New Politics in Malaysia*, ed. Francis Loh Kok Wah dan Johan Saravanamuttu, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 2003.

Virginia H. Dancz. *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*. Singapura: Oxford University Press, 1987.

## KAMUS

Noresah Baharom. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Joyce M. Hawkins. *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*; cet. ke-17, Shah Alam, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 2000.

## ALMANAK

*Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004*. Shah Alam: Anzagain Sdn Bhd, 2004.

## ENSIKLOPEDIA

Hasan Hamzah. *Ensiklopedia Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004*. Shah Alam: BookDigital Sdn. Bhd, 2008.

Maggie Humm. *Ensiklopedia Feminisme*. Yogyakarta: Fajar Pustaka Baru, 2002.

## LAMAN WEB

Berita Harian, <http://www1.bharian.com.my/>

HarakahDaily, <http://www.harakahdaily.net/>

Penerbitan Online-Kompendium Perangkaan Alam Sekitar, Malaysia 2010,  
<http://www.statistics.gov.my>

Perpustakaan Negara Malaysia, <http://sejarahmalaysia.pnm.my>

Pusat Maklumat Rakyat, Jabatan Penerangan Malaysia, <http://pmr.penerangan.gov.my>

Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia, <http://www.spr.gov.my>

The Star Online, <http://thestar.com.my/metro/>  
Utusan Malaysia, <http://ww2.utusan.com.my/>

Warkah, <http://warkah.com/>

Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia, <http://www.arkib.gov.my/rumah-melayu-negeri-sembilan1>

Portal Rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka, <http://dbp.gov.my>

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim, <http://www.johordt.gov.my>

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka, <http://www.melaka.gov.my>

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, <http://portal.kedah.gov.my>

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur, <http://www.pahang.gov.my>

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak, <http://www.perak.gov.my>

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perlis, <http://www.perlis.gov.my>

Portal Rasmi Perbadanan Putrajaya, <http://www.ppj.gov.my>

Wikipedia, <http://ms.wikipedia.org/wiki/Selangor>